

23 MAR 1999

Ibrahim-fitnah

FITNAH: JAWATANKUASA KENAL PASTI DUA KES UNTUK DIAMBIL TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Jawatankuasa petugas menangani fitnah yang ditubuhkan Majlis Tertinggi UMNO mengenal pasti dua kes untuk diambil tindakan, kata pengerusinya Datuk Ibrahim Ali hari ini.

Beliau berkata kedua-dua kes itu membabitkan isu menghina mahkamah dan mencemar nama baik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama jawatankuasa itu di pejabat Umno di sini beliau berkata laporan polis mengenai kedua-dua isu itu akan dibuat tidak lama lagi.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut kedua-dua kes itu sehinggalah laporan polis mengenainya dibuat dan menambah bahawa jawatankuasa itu menganggap kedua-dua kes sebagai "serius".

Katanya penal peguam Umno akan mengkaji kedua-dua kes itu dengan lebih teliti.

Jawatankuasa lapan orang itu ditubuhkan pada 15 April lepas bagi menangani gejala memfitnah pemimpin Umno yang kian berleluasa termasuk penyebaran pita rakaman yang menyeru orang Islam membunuh orang Islam yang lain terutamanya Dr Mahathir.

Antara yang menganggotai jawatankuasa itu ialah Timbalan Menteri Penerangan Datuk Sulaiman Mohamed serta beberapa orang penal peguam Umno. Kesemua mereka hadir pada mesyuarat pertama itu.

Ibrahim berkata jawatankuasa juga memutuskan mengenai pelan tindakan serta strategi bagaimana menangani masalah penyebaran fitnah yang kian berleluasa.

Selain menentukan cara tindakan, jawatankuasa itu juga akan mewujudkan unit-unit tertentu yang akan bekerjasama dengan pemimpin Umno di peringkat akar umbi seperti Ketua Bahagian, Pemuda, Wanita serta ketua penerangan bahagian.

Katanya pemimpin di peringkat akar umbi boleh memberi maklumbalas mengenai reaksi anggota Umno di peringkat bawahan serta bekerjasama dengan individu yang berhasrat menyalurkan maklumat mengenai fitnah yang disebarkan.

Beliau berkata segala maklumat yang diperolehi itu akan dihantar terus ke ibu pejabat parti untuk tindakan selanjutnya.

--BERNAMA

AKT zb